



PENYATA RASMI

PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR



**MESYUARAT PERTAMA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR KE-13
KERANA MEMILIH SPEAKER, TIMBALAN
SPEAKER DAN MENGANGKAT SUMPAH
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI
DEWAN NEGERI JOHOR**

Pada
20 JUN 2013

Disediakan Oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

PENYATA RASMI

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT PERTAMA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR KE-13
KERANA MEMILIH SPEAKER, TIMBALAN
SPEAKER DAN MENGANGKAT SUMPAH
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI
DEWAN NEGERI JOHOR**

Pada

20 JUN 2013

Disediakan oleh

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KETIGA BELAS
KERANA PEMILIHAN SPEAKER, TIMBALAN SPEAKER
DAN MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN NEGERI JOHOR**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

KHAMIS, 20 JUN 2013

1.	Kehadiran.	1
2.	Doa kesyukuran dibaca oleh Mufti Kerajaan Johor.	7
3.	Permasyhuran Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat.	7
4.	Pemilihan Speaker Dewan Negeri.	7
5.	Pemasyhuran daripada Speaker Dewan Negeri.	9
6.	Pemilihan Timbalan Speaker Dewan Negeri.	9
7.	Majlis Mengangkat Sumpah oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri.	11
8.	Penangguhan.	14

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KETIGA BELAS KERANA PEMILIHAN SPEAKER, TIMBALAN SPEAKER DAN MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN NEGERI JOHOR

KHAMIS, 20 JUN 2013

BIL. 1 TAHUN 13

HADIR

Y.B. Speaker Dewan,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan
Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan
Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton bin Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi '
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Cik Shubannah binti Yusuf

Penolong Jurutulis

Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Setiausaha Pejabat

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Am Pejabat

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Hamdan bin Markom

Setiausaha Pejabat

Puan Siti Rozimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Suriati Abd. Hajar
Pejabat SUKJ (Bahagian Perumahan)

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Tim. Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Setiausaha Politik (Pejabat MBJ)

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Bahagian Kerajaan Tempatan

Puan Shashela binti Md. Yusof
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Jurutulis : DOA KESYUKURAN DIBACA OLEH MUFTI KERAJAAN JOHOR.

Yang Berhormat Dato' Mufti, dipersilakan.

DOA KESYUKURAN.

(Y.B. Dato' Mufti Kerajaan Johor membaca doa.)

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

"Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 20 Jun 2013 pukul 9:30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi Persidangan Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Yang Ketiga Belas".

PEMILIHAN SPEAKER DEWAN NEGERI.

Jurutulis : Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut Fasal 24 Jumlahkata (1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895 dan menurut peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 2 Jumlahkata (2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor, Dewan Negeri akan menjalankan urusan memilih Speaker.

Adalah dimaklumkan bahawa saya selaku Jurutulis Dewan Negeri telah menerima hanya satu cadangan bertulis nama orang yang hendak dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri.

Cadangan itu datangnya daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dalam suratnya bertarikh 3 Jun 2013 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu usul di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Speaker Dewan Negeri.

Sekarang, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor mengemukakan cadangan memilih Speaker.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jurutulis, saya membawa rundingan ini untuk mencadangkan bahawa Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz dipilih menjadi Speaker dan seterusnya dijemput mengambil tempatnya dalam Dewan Negeri ini sebagai Speaker.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, 72 tahun. Berpengalaman luas dalam bidang politik mahupun dalam perkhidmatan kerajaan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri bagi DUN Parit Yaani selama tiga penggal atau kira-kira selama 14 tahun iaitu dari tahun 1986 sehingga tahun 1999. Sepanjang

berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri itu, Yang Berhormat Datuk Mohamad pernah menggalas jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, pada tahun 1990 sehingga 1995 dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Penerangan Tugas-Tugas Khas Kerajaan Negeri Johor pada 1995 sehingga 1999.

Berdasarkan pengalaman yang luas itu, Yang Berhormat Datuk Mohamad kemudiannya dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Parlimen Seri Gading dari tahun 1999 sehingga tahun 2013. Sementara itu, ketokohan dan kewibawaan Yang Berhormat Datuk Mohamad juga cukup dikagumi oleh kalangan pemimpin serta ahli akar umbi UMNO. Kini, beliau adalah Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia sejak tahun 2008. Beliau juga adalah Pengerusi Barisan Nasional Parlimen Sri Gading dan Ketua UMNO Bahagian Sri Gading pada tahun 1994 sehingga kini. Dalam tempoh itu juga beliau turut memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor.

Beliau mendapat kepercayaan daripada Lembaga Badan-badan Berkanun apabila dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah kepada RISDA dan Lembaga Tabung Haji dari tahun 1994 sehingga kini. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Tenaga Switchgear, Tenaga Nasional Berhad sejak tahun 2004 sehingga kini.

Hari ini di Dewan yang mulia ini, pelantikan Yang Berhormat Datuk Mohamad bin Haji Aziz sebagai Speaker Dewan Johor bagi penggal yang ketiga belas adalah bertepatan dengan pengalamannya menjalankan pelbagai tugas berkaitan sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Jurutulis, saya menyokong cadangan itu.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya ada satu cadangan sahaja yang telah diterima dan disokong menjadi Speaker, maka menurut peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 2 Jumlahkata (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, selaras dengan Fasal 24 Jumlahkata (1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz adalah dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim.

ANGKAT SUMPAH OLEH SPEAKER.

Jurutulis : Diminta Penolong Jurutulis Dewan Negeri untuk mempersilakan dan mengiringi Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Speaker di bawah peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 2 Jumlahkata (8) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim.

Y.B. Datuk Speaker : Bismillahirrahmannirrahim. (Berselawat). Wallahi, Wabillahi, Watallahi, bahawa adalah saya Mohamad bin Haji Aziz yang telah dipilih menjadi

Speaker Dewan Negeri atau Legislative Assembly bagi Negeri Johor, dengan sesungguhnya bersumpah dengan iman, bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Speaker Dewan Negeri atau Legislative Assembly yang tersebut itu. Dan, saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Barang diberkati Allah akan saya Mohamad bin Haji Aziz di hadapan Jurutulis Dewan Negeri Johor disempurnakan pada 20 Jun 2013 bersamaan 11 Sya'ban 1434.

Jurutulis : Saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin untuk memakaikan Jubah Rasmi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, apabila saya menyebut Yang Berhormat Datuk Speaker, para hadirin sekalian dipersilakan bangun dan memberi tunduk hormat. **YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.**

Penolong Jurutulis membaca doa.

Jurutulis : Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah aturan urusan memilih Speaker Dewan Negeri.

PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.

Y.B. Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dengan ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang telah memberi kepercayaan kepada saya dengan memilih menjadi Speaker bagi Dewan Negeri yang mulia ini. Pemilihan ini adalah suatu penghormatan yang tinggi kepada diri saya. Saya berjanji akan menjalankan tugas dengan segala daya upaya seperti sumpah yang telah saya lafazkan sebentar tadi.

Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih dari seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Johor kepada Yang Berhormat kepada Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan, Mantan Speaker Dewan Negeri Johor dan Yang Berhormat Dato' Haji Othman bin Jais, Mantan Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor di atas jasa dan sumbangan sebagai Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor bagi Penggal Persidangan Dewan Negeri Yang Kedua Belas.

Jurutulis : MEMILIH TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut Fasal 24, Jumlahkata (2A) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Dewan Negeri bolehlah dari masa ke semasa memilih seorang ahlinya menjadi Timbalan Speaker.

Jurutulis Dewan Negeri telah menerima satu sahaja pencalonan untuk Timbalan Speaker. Cadangan itu datangnye daripada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor dalam suratnya bertarikh 17 Jun 2013 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu usul di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Timbalan Speaker Dewan Negeri. Oleh itu, saya dengan hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membawa rundingan bagi pemilihan Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dengan sukacitanya ingin membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, Ahli Dewan Negeri kawasan Panti dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari DUN Panti berusia 65 tahun. Berkhidmat sebagai Wakil Rakyat di kawasanya sejak tahun 2004. Selepas pilihan raya umum yang ke-13 baru-baru ini beliau telah terpilih sekali lagi untuk berkhidmat sebagai ADUN kawasan Panti untuk Penggal yang ketiga. Sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-13 iaitu bermula tahun 2008, beliau pernah memberi sumbangan yang bermakna dengan menjalankan tugas sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Raya di Dewan Negeri yang mulia ini. Sebelum itu beliau juga telah menyumbang banyak pengalamannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam dan Perumahan bermula tahun 2004 sehingga 2008.

Yang Berhormat Dato' Haji Baderi Dasuki telah banyak berjasa dalam UMNO di peringkat Bahagian Kota Tinggi dan Tenggara. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Bendahari UMNO Kota Tinggi pada tahun 1983. Setelah itu beliau mendapat kepercayaan sepenuhnya untuk menerajui parti sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian pada tahun 2004 dan Ketua UMNO Bahagian Tenggara pada tahun 2008. Sebelum menyertai politik, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri Johor. Selain itu, beliau juga berpengalaman dalam dunia korporat. Apabila pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Perbadanan Usahawan Johor Berhad, Perbadanan Islam dan YPJ Holding Sdn. Bhd. Sehubungan itu di Dewan yang mulia ini, pelantikan Ahli Yang Berhormat dari DUN Panti ini, sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri untuk penggal ini adalah bersesuaian dan menepati dengan keperluan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan tersebut.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan kepada cadangan ini telah disokong. Tiada pencalonan lain dikemukakan. Oleh itu, mengikut Fasal 24, Jumlahkata (2A) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, dengan ini saya sukacita mengisytiharkan Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, Ahli Dewan Negeri kawasan Panti dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Jurutulis : Dengan hormatnya, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, Ahli Dewan Negeri kawasan Panti untuk mengangkat sumpah jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri merangkap Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki telah mengangkat sumpah jawatan sebagai ADUN merangkap Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan urusan mesyuarat selanjutnya, Dewan ditangguhkan selama 10 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10:10 pagi.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri disambung semula.

Jurutulis : MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH OLEH AHLI-AHLI DEWAN NEGERI.

Y.B. Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri ini. Dengan ini saya silakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memulakannya dituruti oleh Ahli-Ahli yang lain mengikut seruan Jurutulis.

Jurutulis : Dijemput Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jais bin Sarday.

Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohammad.

Dijemput Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Latif bin Haji Sebandi.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Mohamed.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Maulizan bin Bujang.

Dijemput Yang Berhormat Encik M. Asojan a/l Muniyandy.

Dijemput Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Ayub bin Rahmat.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba.

Dijemput Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Ithnain.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Adam bin Sumiru.

Dijemput Yang Berhormat Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar.

Dijemput Yang Berhormat Encik Mohd. Ismail bin Roslan.

Dijemput Yang Berhormat Encik Teoh Yap Kun.

Dijemput Yang Berhormat Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman.

Dijemput Yang Berhormat Puan Zaiton binti Haji Ismail.

Dijemput Yang Berhormat Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji A. Aziz bin Ismail.

Dijemput Yang Berhormat Dr. Zaini bin Abu Bakar.

Dijemput Yang Berhormat Puan Norshida binti Ibrahim.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat.

Dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib.

Dijemput Yang Berhormat Encik Suhaimi bin Salleh.

Dijemput Yang Berhormat Encik Ali Mazat bin Salleh.

Dijemput Yang Berhormat Datin Azizah binti Zakaria.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Peraturan Tetap Bilangan 45(14) dirujukkan dan juga Peraturan Tetap Bilangan 2(3) dirujukkan. Saya meminta sebab ada pertalian tetap di antara Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat Parit Raja, saya minta Yang Berhormat Datuk Speaker berundur sementara diambil alih oleh Timbalan Speaker untuk supaya Yang Berhormat Parit Raja boleh angkat sumpah sebab untuk mempertahankan kemuliaan dan kebebasan Dewan yang mulia ini.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, kita menjalankan tugas dengan profesional. Saya ialah Speaker dan perkara ini ialah perkara mengangkat sumpah. Saya menjalankan tugas mengikut undang-undang, jadi saya teruskan Persidangan kita ini. Jemput Parit Raja.

(Y.B. Datin Azizah binti Zakaria telah mengangkat sumpah jawatan sebagai ADUN.)

Jurutulis : Dijemput Yang Berhormat Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat.

Dijemput Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Aminulhoda bin Hassan.

Dijemput Yang Berhormat Encik Tan Chen Choon.

Dijemput Yang Berhormat Encik Abdullah bin Husin.

Dijemput Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh.

Dijemput Yang Berhormat Dr. Haji Mohammad bin Taslim.

Dijemput Yang Berhormat Encik Jimmy Puah Wee Tse.

Dijemput Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng.

Dijemput Yang Berhormat Encik Tan Hong Pin.

Dijemput Yang Berhormat Puan Chew Peck Choo.

Dijemput Yang Berhormat Encik Chen Kah Eng.

Dijemput Yang Berhormat Encik Lim Eng Guan.

Dijemput Yang Berhormat Encik Ee Chin Li.

Dijemput Yang Berhormat Encik Chua Wee Beng.

Dijemput Yang Berhormat Encik Yeo Tung Siong.

Dijemput Yang Berhormat Cik Liow Cai Tung.

Dijemput Yang Berhormat Cik Wong Shu Qi.

Dijemput Yang Berhormat Encik Cheo Yee How.

Y.B. Datuk Speaker : Demikianlah tadi upacara mengangkat sumpah Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2018. Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dan berjanji untuk bekerjasama demi kepentingan rakyat Negeri Johor.

Marilah juga kita berikrar kepada Dewan Negeri ini untuk menjalankan urusan-urusan Dewan sepanjang Persidangan yang akan datang bagi memelihara kemuliaan Dewan ini selari dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

Seterusnya, dipersilakan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan untuk menikmati jamuan yang disediakan di Dewan Jamuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:05 tengah hari.